

**George Kent Umum Jumlah Bayaran Dividen Tertinggi Kumpulan
Bernama
27 Mac, 2014**

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- George Kent (Malaysia) Bhd mengumumkan jumlah bayaran dividen tertinggi kumpulan itu sebanyak RM15.772 juta, meningkat 44 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Bayaran dividen itu juga telah meningkat berbanding RM2.317 juta sejak lima tahun lalu, pertumbuhan 46 peratus manakala hasil dividen ialah 6.3 peratus berdasarkan harga saham semasa RM1.20.

George Kent dalam satu kenyataan hari ini berkata, sejajar dengan keputusan memberangsangkan itu, ia mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak empat sen.

Keuntungan sebelum cukai George Kent melonjak 44 peratus kepada RM51.125 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Januari 2014 (FY2014) berbanding RM35.576 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Pendapatannya meningkat 83 peratus kepada RM506.298 juta berbanding RM276.810 juta sebelum ini.

Untuk suku keempat berakhir 31 Januari 2014, keuntungan sebelum cukai George Kent melambung 67 peratus kepada RM24.380 juta daripada RM14.593 juta, manakala pendapatan kumpulan melonjak 118 peratus kepada RM266.808 juta berbanding RM122.566 juta dalam suku keempat tahun lalu.

Pengerusinya, Tan Sri Tan Kay Hock, berkata pencapaian cemerlang kumpulan pada FY2014 dirangsang pertumbuhan dalam bahagian teras, iaitu air dan pembinaan, pembuatan serta produk meter dan industri yang mencatatkan rekod untuk setahun lagi.

"Keuntungan sebelum cukai kami telah tumbuh pada kadar 20 peratus sejak 10 tahun lalu. Keputusan cemerlang itu berikutan kejayaan melaksana strategi yang ditetapkan lembaga pengarah syarikat," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1025503>